

31/08/2002

Pendidikan penting pupuk perpaduan

Syuhada Choo Abdullah

MENCECAH usia kemerdekaan ke-45 tahun, Malaysia semakin matang dan disegani masyarakat antarabangsa atas kemampuannya terus maju dan berkembang pesat bertunjangkan sokongan rakyat berbilang kaum, yang selama ini bersatu hasil pelbagai faktor.

Satu daripada faktor penting yang memainkan peranan utama memupuk nilai dan semangat integrasi di kalangan rakyat pelbagai lapisan generasi, bermula seawal prasekolah disusuli persekolahan rendah, menengah dan seterusnya pengajian tinggi.

Berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara, peluang menimba ilmu pengetahuan yang terbuka luas kepada segenap lapisan rakyat, berjaya mendedahkan mereka kepada suasana saling mengenali, memahami dan bertoleransi dengan budaya serta agama kaum masing-masing.

Usaha memupuk nilai murni itu diterapkan menerusi kurikulum pendidikan seperti dalam mata pelajaran Pendidikan Moral, ataupun secara merentasi kurikulum subjek lain, selain melalui pergaulan sihat harian di kalangan pelajar berbilang kaum.

Kerajaan sentiasa memberi penekanan serius terhadap aspek perpaduan dalam menangani komposisi masyarakat pelbagai kaum yang memiliki latar belakang berbeza, sekali gus menjadikan sistem pendidikan sebagai wadah terpenting dalam meningkatkan semangat muhibah dan integrasi.

Realitinya, jalinan perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat merangkumi tiga kaum utama di negara ini, iaitu Melayu, Cina dan India, adalah aset amat penting untuk menjamin kestabilan negara sekali gus memberikan sumbangan berkesan ke arah pembangunan dan kemajuan Malaysia dalam menghadapi cabaran global.

Sejarah membuktikan sebilangan negara lain yang mempunyai komposisi rakyat pelbagai kaum, sering wujud rusuhan dan persengketaan rapuhnya ikatan perpaduan di kalangan mereka.

Justeru, daripada pengajaran itu, langkah kerajaan memperkenalkan konsep Sekolah Wawasan yang bertujuan memupuk muhibah dan mewujudkan pergaulan sihat di ketiga-tiga sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) serta Tamil (SJKT), tidak dinafikan adalah langkah bijak, bertepatan dengan kata pepatah 'melentur buluh biar dari rebungunya'.

Walaupun terdapat tentangan daripada segelintir pihak, kerajaan tetap bertegas untuk meneruskan projek penting demi masa depan negara.

Sekolah Wawasan pertama negara sudah mula beroperasi di USJ 15 di Subang Jaya, Jun lalu, yang menyaksikan penempatan bersama Sekolah Kebangsaan (SK) Dato Onn Jaafar, SJKC Tun Tan Cheng Lock dan SJKT Tun Sambanthan.

Berdasarkan konsepnya, Sekolah Wawasan menempatkan sekolah rendah berlainan aliran di kawasan sama tanpa menjejaskan identiti asal masing-masing tetapi digalakkan untuk mewujudkan suasana pergaulan yang lebih terbuka melalui perkongsian kemudahan dan aktiviti bersama, termasuk sambutan Hari Guru, Hari Kebangsaan dan acara sukan tahunan.

Guru Besar SK Dato Onn Jaafar, Mohd Arip Mohd Katan, dipetik sebagai berkata kelebihan Sekolah Wawasan ialah pelajar berpeluang bergaul dan mempelajari budaya serta amalan hidup kaum lain.

"Kelebihan di sini ialah wujud perpaduan di kalangan pelajar, guru dan ibu bapa. Mereka bergaul, bermain dan bermesyuarat bersama. Saya berharap pelaksanaan Sekolah Wawasan ini dapat melahirkan warga Malaysia yang jitu serta bersatu padu pada masa depan," katanya.

Jelas sekali, mereka yang memegang amanah dalam 'core business'

pendidikan begitu menghayati makna dan mesej 'Keranu Malaysia' dan menyedari kepentingan hasrat murni kerajaan untuk membina jalinan kemesraan serta semangat perpaduan di kalangan generasi pelapis, demi masa depan rakyat lebih bersatu padu.

Selain usaha dari peringkat sekolah, langkah untuk terus mengukuhkan lagi hubungan persefahaman dan perpaduan diperluaskan kepada penuntut di institusi pengajian tinggi (IPT).

Galakan supaya pelajar pelbagai kaum ditempatkan dalam bilik asrama yang sama di universiti secara langsung membolehkan mereka saling berinteraksi, lebih memahami dan berkongsi nilai murni kehidupan, sekali gus dapat menghapuskan sebarang syak wasangka yang boleh mencetuskan salah faham.

Ini kerana sekiranya pelajar hanya melalui proses 'kematangan jiwa, fikiran dan pengetahuan' dalam kelompok kaum sendiri sepanjang tempoh pengajian di universiti, dikhuatiri mereka gagal memahami atau menyesuaikan diri dalam masyarakat majmuk, apabila berdepan dengan realiti kehidupan kelak.

Keadaan itu amat berbahaya kerana tanpa disedari boleh mewujudkan rakyat, walaupun berpendidikan, tetapi terkongkong dengan sikap ekstrim dan berfikiran sempit.

Dalam konteks ini, keputusan kerajaan untuk membuka pintu kemasukan kepada pelajar bukan Bumiputera ke institusi pendidikan yang sekian lama didominasi oleh Bumiputera, iaitu Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan program matrikulasi mulai tahun depan, juga tersirat banyak nilai dan matlamat positif.

Selain mewujudkan persaingan sebenar yang sihat dalam mengejar kecemerlangan ilmu pengetahuan, jelas penggabungan pelajar berlainan kaum itu secara tidak langsung meneruskan tradisi penjanaan nilai perpaduan melalui saluran pendidikan.

Bagaimanapun dalam sesetengah situasi tidak diingini, pelaksanaan pendidikan dijadikan oleh sesetengah pihak, terutama golongan cauvinis yang berkepentingan, sebagai alat untuk menggugat keharmonian masyarakat yang sudah lama dibina tanpa mahu memikirkan akibatnya, lebih-lebih lagi dalam jangka panjang.

Contohnya, isu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains serta Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan, mendapat bantahan daripada 38 persatuan Cina di seluruh negara, dan pastinya dalam keadaan ini fahaman politik tertentu juga tidak mahu ketinggalan 'menangguk di air yang keruh'.

Pihak yang membantah pelaksanaan itu termasuklah Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zhong) dan Gabungan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zhong).

Ekoran itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi amaran supaya pihak terbabit jangan 'bermain api' dengan membangkitkan isu perkauman sehingga boleh menimbulkan huru-hara di negara ini.

Jelas sekali, mereka tetap tidak dapat memahami dan menerima objektif pelaksanaan itu walaupun sudah berkali-kali dijelaskan, sama ada oleh Kementerian Pendidikan atau pemimpin tertinggi negara sendiri, bahawa langkah itu bertujuan membolehkan penguasaan kedua-dua bidang ilmu berkenaan secara lebih berkesan.

Tambahan pula, perkembangan pesat bidang ilmu global, khususnya sains dan teknologi, adalah penting bagi generasi pelapis negara dilengkapi dan dipersiapkan untuk menghadapi persaingan dan cabaran masa depan.

Strategi serta inisiatif untuk memantapkan lagi keutuhan perpaduan di kalangan rakyat melalui bidang pendidikan sentiasa menjadi fokus utama kerajaan, termasuk terbaru penawaran hadiah sebagai galakan kepada kelab di semua universiti yang mencipta kaedah merapatkan hubungan dan menarik penyertaan pelajar dari semua kaum.

Berhubung perkara ini, Dr Mahathir dipetik sebagai berkata, kelab antara kaum boleh bergiat dalam bidang sosial, sukan, lawatan sambil belajar dalam atau luar negara, serta rekreasi. Malah, kelab pelajar juga boleh menganjurkan kursus berkaitan adat resam, pantang larang dan sensitiviti kaum masing-masing.

Mengulas mengenai perlunya langkah itu, beliau berkata, pelajar di IPT bukan saja mengasingkan diri mengikut kaum dan tidak berkongsi bilik asrama, tetapi mereka juga duduk berasingan sama ada di dewan kuliah, padang permainan ataupun dalam kegiatan kokurikulum.

"Keadaan ini jelas tidak sihat dan berbahaya bagi masa depan negara. Hakikatnya ialah apabila mereka keluar universiti untuk bekerja, mereka akan bertemu dengan masyarakat pelbagai kaum yang berbeza daripada masyarakat di dalam universiti.

"Justeru, usaha secara proaktif perlu dibuat untuk merapatkan hubungan antara penuntut pelbagai kaum di universiti. Sepatutnya, setiap universiti mengadakan kelab antara kaum.

"Kepemimpinan dan juga penyertaan kelab ini mestilah daripada semua kaum. Peserta mestilah berusaha secara sedar untuk mengelak daripada bersengketa dan bertelagah antara mereka, terutama yang berasas kepada kelainan kaum," katanya.

Sehubungan itu sekiranya dihayati ungkapan 'Keragaman Malaysia', semua rakyat tanpa mengira kaum perlu memainkan peranan bagi memastikan negara terus menikmati keharmonian, kesejahteraan dan kemajuan dalam menghadapi cabaran lebih besar pada masa depan.